



TEKS UCAPAN

**YBHG. DATUK SERI HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ. AHMAD
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA**

SEMPENA

**SESI LIBAT URUS
KAJIAN SISTEM SARAAAN PERKHIDMATAN AWAM
BAGI KLUSTER TEKNIKAL**

TARIKH:

02 OGOS 2023 (RABU)

8.30 PAGI

LOKASI:

**DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID,
KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Malaysia Madani

SALUTASI

Yang Dihormati Saudara Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Datuk Ahmad Redza Ghulam Rasool
Ketua Pengarah Kerja Raya

Yang Berbahagia Dato' Ahmad Nadzri bin Embong
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Setiausaha-setiausaha Bahagian KKR,

Pengarah-pengarah Kanan JKR,

Wakil-wakil Kementerian, Agensi dan hadirin sekalian,

Yang Berbahagia Datuk-Datuk/Dato'-Dato'/Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dikasihi sekalian

LATAR BELAKANG

1. Satu mesyuarat penyelarasan khas berkaitan **Bengkel Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam telah dianjurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 25 Julai 2023 (Selasa)**. Kajian ini akan dilaksanakan susulan daripada pengumuman yang dibuat oleh YAB Perdana Menteri semasa Majlis Perhimpunan Hari Pekerja Tahun 2023 pada 1 Mei 2023 yang lalu yang menekankan akan **keperluan meneliti semula sistem saraan perkhidmatan awam**.
2. Sistem Saraan ini dilihat terdapat keperluan untuk disemak semula memandangkan kajian terakhir sistem saraan secara menyeluruh dilaksanakan pada tahun 2002 (Sistem Saraan Malaysia).
3. Bagi tujuan ini, pihak JPA akan melaksanakan **Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam** untuk mengumpulkan input dan maklumat daripada pelbagai pihak, terutamanya daripada semua Kementerian dan Agensi Kerajaan. Pihak JPA juga telah menetapkan **enam (6) Kluster Skim Perkhidmatan** dan **Kementerian Kerja Raya** telah dilantik sebagai **peneraju bagi kajian skim perkhidmatan kluster teknikal**. **Saya selaku Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya** juga dilantik sebagai Ketua Kluster Teknikal bagi tujuan kajian ini.

3. **Objektif Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam** ini adalah:
- i) **Peningkatan efisiensi agensi/pegawai awam;**
 - ii) **Pengoptimuman kos pengurusan agensi Kerajaan;**
 - iii) **Peningkatan produktiviti perkhidmatan awam; dan**
 - iv) **Peningkatan kesejahteraan pegawai awam**

SESI LIBAT URUS

4. Justeru, sebagai penjawat awam, kita perlu sentiasa **mendokong inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan** dan diharapkan semua wakil **Kluster Teknikal yang hadir ini dapat mengemukakan input beserta justifikasi bagi memastikan Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam bersifat inklusif serta mengambil kira keperluan sumber manusia sektor awam pada masa kini serta di masa hadapan.**
5. Sehubungan itu, sebagai langkah awal bagi memastikan pengumpulan input ini teratur dan bersifat terangkum, kesemua wakil kluster teknikal adalah diingatkan agar mengemukakan cadangan penambahbaikan sistem saraan mengikut **3 skop utama yang telah ditetapkan iaitu: Perjawatan & Organisasi; Gaji & Elaun; dan Pengurusan Bakat.**
6. Saya difahamkan sesi libat urus pada hari ini dianggarkan **seramai 700 peserta bagi Skim Perkhidmatan Kluster Teknikal** yang terdiri daripada **pelbagai Skim dan Gred Jawatan seperti Skim Perkhidmatan A (Pengangkutan), Skim Perkhidmatan H (Kemahiran) dan Skim Perkhidmatan (Kejuruteraan).**

Para hadirin yang dikasihi sekalian,

7. Saya juga ingin merakamkan **penghargaan kepada wakil daripada JPA** yang turut hadir bersama-sama dan akan memberikan taklimat ringkas mengenai Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam ini.
8. Diharap semua cadangan penambahbaikan yang akan diberikan oleh wakil-wakil Kluster Teknikal ini **bersifat objektif, inklusif dan relevan** untuk diperhalusi oleh pihak JPA selanjutnya.
9. Sebagai penutup bicara, sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kerjasama dan komitmen para peserta yang hadir dan mengharapkan agar pengumpulan input yang diperolehi pada hari ini dapat dirangkumkan menjadi **satu hasil positif sebelum ianya diangkat ke JPA sebagai penambahbaikan serta pemantapan sistem saraan perkhidmatan awam untuk masa akan datang.**

Wabillahi Taufik Wa Alhidayah Wa Assalamualaikum Warahmatullahi Wa Barakatuh.

Sekian, terima kasih.